

# PM iktiraf peranan penjawat awam

Dalam usaha bantu tingkat prestasi dan menjamin kejayaan negara

PUTRAJAYA

**P**erdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengiktiraf peranan penting yang dimainkan penjawat awam dalam usaha membantu meningkatkan prestasi dan menjamin kejayaan negara.

Beliau berkata, kerajaan bersyukur kerana sejak kebelakangan ini negara banyak mendapat pengiktirafan dengan merekodkan kemajuan dari segi ekonomi dan pertumbuhan termasuk pengukuhan ringgit.

"Kejayaan ini tentu kerana politiknya lebih stabil, kemudian dasar dan kerangka lebih jelas tetapi satu elemen sangat pen-



Anwar (tengah) menyampaikan ucapan dalam perhimpunan bulanan bersama warga JPM di Dewan Sri Endon Puspanitapuri pada Isnin.

ting untuk dijelaskan ialah kerana kita mempunyai budaya tradisi perkhidmatan awam yang banyak berusaha membantu meningkatkan prestasi, menjamin kejayaan (negara).

"Walaupun tidak banyak diuar-uarkan tetapi itu kenyataannya," katanya dalam perhimpunan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini pada Isnin.

Anwar berkata, walaupun merekodkan banyak kejayaan namun penjawat awam perlu bersikap tawaduk dan sentiasa berusaha meningkatkan kecakapan dan memperbaiki kelemahan untuk mencapai prestasi lebih baik.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof. - *Bernama*